

e-BULETIN

HASIL



JANGAN JADI **MANGSA**
Penipuan Kewangan & Percukaian



1. SIJIL TARAF MASTAUTIN

Sijil Taraf Mastautin (STM) dikeluarkan untuk mengesahkan pembayar cukai adalah bermastautin di Malaysia dan membolehkan pembayar cukai menuntut manfaat di bawah Perjanjian Pengelakan Percukaian Dua Kali (PPPDK) serta mengelakkan pencukaian dua kali ke atas pendapatan yang sama.

Oleh itu, STM hanya akan dikeluarkan bagi tujuan tersebut dan dengan rakan pejanji Malaysia sahaja. Permohonan STM boleh dibuat secara manual atau melalui sistem e-Residence (<https://eresidence.hasil.gov.my/>). STM akan dikeluarkan dalam tempoh 10 hari bekerja, sekiranya maklumat dan dokumen telah dikemukakan dengan lengkap.

Maklumat lanjut berhubung STM boleh didapati daripada Portal Rasmi LHDNM, www.hasil.gov.my > Antarabangsa > Sijil Taraf Mastautin.

2. PERBEZAAN KETETAPAN UMUM DAN KETETAPAN AWAL

Ketetapan Umum dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Awal adalah kenyataan bertulis oleh KPHDN kepada mana-mana orang, yang memberi interpretasi bagaimana peruntukan ACP terpakai kepada cadangan perkiraan yang akan dilakukan oleh orang itu sebagaimana dinyatakan dalam permohonan.

Ketetapan ini dikeluarkan bertujuan untuk memberi penjelasan dan kepastian terhadap layanan cukai serta keseragaman dalam pemakaian undang-undang cukai pendapatan.

Ini akan dapat membantu untuk meningkatkan pematuhan dan mengurangkan pertikaian di antara LHDNM dan pembayar cukai.



3. e-SPC

e-SPC merupakan sistem permohonan Surat Penyelesaian Cukai secara dalam talian.

Sistem ini membolehkan majikan menghantar Borang CP22A / CP22B - Permohonan Penyelesaian Cukai Pekerja dan Borang CP21 - Pemberitahuan oleh Majikan Bagi Pekerja yang Hendak Meninggalkan Negara.

e-SPC boleh diakses daripada MyTax melalui pautan <https://mytax.hasil.gov.my/>.

4. PENGIRAAN POTONGAN CUKAI BULANAN

Terdapat dua (2) kaedah potongan cukai bulanan (PCB) yang boleh digunakan oleh majikan iaitu Jadual PCB dan Sistem Pengiraan Berkomputer (e-PCB, e-Data PCB, e-CP39 dan Kalkulator PCB). Berikut adalah maklumat asas pengiraan bagi kaedah-kaedah ini :

Kaedah	Jadual PCB	Sistem Pengiraan Berkomputer
Taraf Mastautin	Diambil kira	Diambil kira
Kategori Pekerja	● Bujang (K1) ● Kahwin & Pasangan Tidak Bekerja (K2) ● Kahwin & Pasangan Bekerja (K3)	● Bujang (K1) ● Kahwin & Pasangan Tidak Bekerja (K2) ● Kahwin & Pasangan Bekerja (K3)
Potongan Wajib Diambil Kira	● Potongan Diri ● Pasangan (Suami / Isteri) ● Anak ● KWSP	● Potongan Diri ● Pasangan (Suami / Isteri) ● Anak ● KWSP
Potongan / Rebat Tambahan	Tiada	Boleh dimasukkan melalui Borang TP1

Maklumat lanjut berhubung pengiraan PCB boleh didapati daripada Portal Rasmi LHDNM, www.hasil.gov.my > Majikan.